



DR. DAING Nasir Ibrahim (dua kiri) dan **Sebastian Streuff** (dua kanan) meneliti dokumen memorandum persefahaman yang telah ditandatangani sambil disaksikan pengurusan kanan Universiti Malaysia Pahang, Mercedes dan wakil kerajaan Jerman di Kuala Lumpur, semalam. *UM (Bisnes) Phoenix 7/2/13 ml20*

Mercedes mahu tingkat rakyat tempatan

KUALA LUMPUR 6 Mac - Mercedes Benz Malaysia (MBM) menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi berkongsi kepakaran serta teknologinya, selain berusaha meningkatkan penglibatan rakyat tempatan di dalam operasinya di negara ini.

Kerjasama kedua-dua pihak itu diadakan menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani hari ini, yang mana turut menjanjikan peluang pekerjaan bersama MBM kepada pelajar yang terpilih.

Jelas Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, kerjasama dengan MBM itu adalah untuk melahirkan jurutera yang produktif serta mencari peluang untuk menempatkan pelajar UMP di dalam syarikat pengeluar kereta dari Jerman itu.

Katanya lagi, MoU itu mem-

babitkan pembangunan akademik, penyelidikan serta pembangunan modal insan.

"Ini memudahkan kami untuk menjalinkan kerjasama utamanya sekali lokasi UMP yang berhampiran dengan kilang MBM di Pekan," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama itu di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Naib Presiden dan Pengarah Urusan Kilang Pemasangan MBM di Pekan, Sebastian Streuff.

Ujar Daing Nasir, peluang itu akan digunakan oleh sebaiknya oleh UMP yang mempunyai lebih 8,000 pelajar ketika ini, yang mana dua pertiga daripadanya merupakan jurusan kejuruteraan.

"Pemilihan pelajar akan dilakukan sebelum mereka terlibat di dalam program ini. Penglibatan ini juga dibuka kepada pelajar bukan jurusan

kejuruteraan yang ditawarkan di UMP," katanya lagi.

Pada masa sama, Streuff berkata, pelajar yang akan diserap di dalam MBM, adalah di bahagian teknikal dan juga korporat.

"Kerjasama ini merupakan sebahagian daripada pelaburan MBM yang mahu meningkatkan aktiviti dan jualan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan terus memperkenalkan model-model baharu Mercedes di pasaran tempatan pada tahun ini, termasuk jenis yang dipertingkatkan (fa-
celift).

Beliau, bagaimanapun enggan menyatakan model yang akan terlibat.